



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KES KEMALANGAN STRUKTUR KONDOMINIUM DI TAMAN DESA, JALAN
KLANG LAMA RUNTUH**

Kuala Lumpur, 14 Februari – Satu kemalangan telah dilaporkan mengakibatkan struktur kondominium yang sedang dalam pembinaan di Taman Desa Jalan Klang, Lama Kuala Lumpur runtuh. Sehubungan dengan itu, sepasukan pegawai penyiasat daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kuala Lumpur & Putrajaya, telah berada di lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan untuk mengenalpasti punca kemalangan dan menentukan samaada terdapat perlanggaran kehendak perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau dibawah Akta Kilang dan Jentera 1967.

Setakat jam 7.00 malam ini, pegawai penyiasat JKKP masih menunggu kebenaran masuk ke lokasi kemalangan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat sebelum melaksanakan proses siasatan selanjutnya.

###

Sekian.

Dikeluarkan Oleh:
Kementerian Sumber Manusia
14 Februari 2020